



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78
No. 27

3hb Julai 2025

TAMBAHAN No. 3
ENAKMEN

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Kelantan dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 39 Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Pertama):

The following Enactments, passed by the Legislative Assembly of the State of Kelantan and assented to by His Royal Highness Sultan Muhammad V, are published pursuant to Clause (3) of Article XXXIX of the Laws of the Constitution of Kelantan (First Part):

No.		Tajuk ringkas/Short title
Enakmen	21	Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2025
Enactment	21	Control of Entertainment and Places of Entertainment (Kelantan) Enactment 2025



UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

Enakmen 21

**ENAKMEN KAWALAN HIBURAN DAN
TEMPAT-TEMPAT HIBURAN (KELANTAN) 2025**

Tarikh Persetujuan Diraja ... 21 Mei 2025

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 3 Julai 2025

Enakmen 21

**ENAKMEN KAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT
HIBURAN (KELANTAN) 2025**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

4. Pelantikan Pegawai Pelesen
5. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri mengeluarkan arahan
6. Pemberikuasaan

BAHAGIAN III

PELESENAN

7. Kehendak bagi mendapatkan lesen
8. Permohonan bagi mendapatkan lesen
9. Kuasa untuk menghendaki maklumat
10. Pemberian lesen

Seksyen

11. Fi lesen
12. Tempoh lesen
13. Syarat atau sekatan
14. Larangan
15. Cagaran
16. Lesen hendaklah dipamerkan
17. Pembaharuan lesen bukan suatu hak
18. Pembatalan lesen
19. Rayuan
20. Larangan terhadap penjualan tiket, dsb. untuk hiburan tanpa lesen
21. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran

BAHAGIAN IV**KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP, MENYITA,
MELUCUTHAKAN, DSB.**

22. Kuasa untuk masuk dan menyiasat
23. Kuasa menutup tempat hiburan
24. Kuasa untuk menghendaki butiran
25. Kuasa penangkapan
26. Penggeledahan
27. Kuasa menyita
28. Benda-benda yang boleh disita boleh dikenakan pelucuthakan

Seksyen

- 29. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
- 30. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
- 31. Kos menanggung barang, dsb. yang disita
- 32. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
- 33. Halangan
- 34. Pendedahan maklumat sulit
- 35. Kuasa pegawai polis tidak disentuh

BAHAGIAN V

PENDAKWAAN

- 36. Pendakwaan
- 37. Anggapan mengenai pesalah
- 38. Anggapan terhadap pemunya
- 39. Anggapan mengenai penduduk
- 40. Kesalahan oleh majikan
- 41. Liabiliti Pengarah
- 42. Pengkompaunan kesalahan
- 43. Penalti am

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

- 44. Kuasa untuk meminda Jadual
- 45. Pengecualian

Seksyen

46. Kuasa membuat peraturan-peraturan

47. Pemansuhan

48. Kecualian dan peralihan

JADUAL

Enakmen 21

**ENAKMEN KAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT
HIBURAN (KELANTAN) 2025**

SAYA BERSETUJU

(MOHOR KERAJAAN)

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V
Sultan Kelantan

Suatu Enakmen bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kawalan dan pelesenan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Badan Undangan bagi Negeri Kelantan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan **Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2025**.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Pemakaian

2. Enakmen ini hendaklah terpakai bagi hiburan yang dinyatakan dalam Jadual di mana-mana tempat yang orang ramai boleh mendapatkan akses sama ada dengan atau tanpa bayaran wang atau balasan-balasan lain atau di mana orang ramai dipelawa mengambil bahagian dengan membayar fi.

Tafsiran

3. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan” ertinya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang pada masa itu bertanggungjawab bagi pihak berkuasa tempatan;

“hiburan” ertinya mana-mana hiburan yang baginya Enakmen ini terpakai;

“lesen” ertinya lesen yang diberikan di bawah subseksyen 7(1);

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Majistret Kelas Pertama;

“meja pin” ertinya apa-apa meja, papan atau alatan lain, yang dikendalikan dengan syiling atau cakera, yang direka bentuk untuk membolehkan pengendalinya bermain suatu permainan, yang kejayaannya diukur dengan pendorongan satu atau lebih daripada satu objek bergerak ke arah sasaran atau matlamat atau dengan pemerolehan suatu bilangan mata atau dengan kedua-duanya;

“orang” ertinya individu perseorangan termasuklah suatu syarikat, perkongsian, kumpulan orang-orang, koperasi, pertubuhan, agensi atau jabatan;

“orang diberi kuasa” ertinya Pegawai Pelesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pegawai Pelesen secara bertulis di bawah seksyen 6;

“Pegawai Pelesen” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“pemunya” ertinya –

- (a) tuan punya berdaftar bagi tanah atau premis;
- (b) pemegang pajak bagi suatu pajakan termasuklah seorang pemegang pajak kecil bagi tanah atau premis, sama ada berdaftar atau tidak;
- (c) ejen atau pemegang amanah bagi pemunya yang diperihalkan dalam perenggan (a) dan (b), jika pada pendapat Pegawai Pelesen mana-mana daripada orang-orang itu tidak dapat dikesan atau, jika mana-mana daripada orang-orang itu telah mati, wakilnya yang sah di sisi undang-undang; atau
- (d) orang yang pada masa itu menyewa premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan, sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau, yang akan menerima sewa jika premis itu disewakan kepada seorang tenan;

“penduduk” ertinya orang yang sebenarnya menduduki tanah atau premis yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawalinya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap;

“peranti elektronik” ertinya apa-apa alat, perkakasan atau kelengkapan teknologi elektronik yang boleh digunakan untuk perkhidmatan aplikasi atau perkhidmatan rangkaian termasuk apa-apa kemudahan storan data atau kemudahan komunikasi yang berkaitan termasuklah komputer, telefon pintar, dll.;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di dalam Negeri Kelantan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan penubuhan Kerajaan Tempatan, dan termasuk mana-mana orang yang menjalankan fungsi-fungsi pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang sedemikian;

“premis” ertinya termasuk mesuaj, rumah, rumah kediaman, gudang, kedai, rumah kedai, kepungan beratap, tenemen, ismen dan hereditemen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada awam atau persendirian, sama ada dibina di atasnya atau tidak dan mana-mana sesuatu bangunan lain dalam mana orang-orang bekerja;

“tempat hiburan” ertinya mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup yang di atasnya ada apa-apa binaan, pondok, bangsal, lingkungan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau apa-apa perahu di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan atau dicadang hendak diadakan dan yang ke situ orang ramai boleh mendapat akses dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan;

“tiket” ertinya mana-mana apa tiket, kupon, tiket elektronik bagi maksud untuk menghadiri mana-mana hiburan.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Pelantikan Pegawai Pelesen

4. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik seberapa ramai Pegawai Pelesen yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

(2) Pemberitahuan tentang sesuatu pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan kawasan, jajahan atau daerah yang di dalamnya Pegawai Pelesen itu boleh menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri mengeluarkan arahan

5. Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi apa-apa arahan kepada Pegawai Pelesen yang bersifat am dan konsisten dengan peruntukan Enakmen ini, tentang perjalanan kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada Pegawai Pelesen itu oleh Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya dan Pegawai Pelesen itu hendaklah melaksanakan arahan tersebut.

Pemberikuasaan

6. Pegawai Pelesen boleh secara bertulis memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan fungsi-fungsi orang diberi kuasa di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN III

PELESENAN

Kehendak bagi mendapatkan lesen

7. (1) Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan jika Pegawai Pelesen telah meluluskan—

- (a) suatu lesen yang sah untuk mengadakan hiburan itu; dan
- (b) suatu lesen yang sah untuk mengadakan hiburan di tempat itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi mendapatkan lesen

8. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen di bawah perenggan 7(1)(a) dan (b) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pelesen melalui kaedah yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen.

(2) Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberinya apa-apa maklumat tambahan yang dikehendaknya.

Kuasa untuk menghendaki maklumat

9. (1) Tanpa menjejaskan subseksyen 8(2), bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengadakan hiburan, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberikan kepadanya skrip, jika ada, dan apa-apa maklumat yang dinyatakannya yang berhubungan dengan perkara-perkara yang berikut:

- (a) butiran mengenai orang-orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan itu atau kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
- (b) butiran mengenai orang-orang yang telah diundang atau bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang telah mengambil bahagian dalam hiburan itu dan kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu; dan
- (c) tujuan yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan “skrip”, berhubungan dengan persembahan lakonan, ertinya teks lakonan itu sama ada yang dinyatakan dengan perkataan atau simbol muzik atau simbol lain berserta dengan apa-apa arahan pentas atau arahan lain bagi persembahannya, sama ada terkandung dalam satu dokumen tunggal atau tidak.

Pemberian lesen

10. (1) Pegawai Pelesen boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan lesen atau enggan meluluskan lesen yang dipohon di bawah seksyen 8.

(2) Lesen untuk mengadakan hiburan di atau di dalam mana-mana tempat tidak boleh diluluskan melainkan jika ada suatu lesen yang sah berkenaan dengan tempat itu.

(3) Lesen berkenaan dengan mana-mana tempat tidak boleh diberikan di dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan melainkan jika pemohon mengemukakan—

- (a) lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan itu; atau
- (b) kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa tempatan itu yang membenarkan tempat itu sebagai tempat hiburan.

Fi lesen

11. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 10, sesuatu lesen hanya boleh dikeluarkan selepas pemohon membayar fi yang ditetapkan.

(2) Pegawai Pelesen hendaklah memasukkan bayaran fi yang dikutip di bawah subseksyen (1) ke dalam—

- (a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau
- (b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Tempoh lesen

12. Sesuatu lesen hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen, tetapi tidak boleh melebihi satu tahun.

Syarat atau sekatan

13. (1) Tiap-tiap lesen hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Larangan

14. (1) Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan yang mengandungi atau diselitkan dengan unsur-unsur berikut:

- (a) ucapan, bacaan, perkataan, perbuatan, lakonan dan sebagainya yang berunsur keji, lucah, mencela, memaki, memfitnah atau yang bercanggah dengan akhlak, tatasusila dan moral;
- (b) ucapan, bacaan, perkataan, perbuatan, lakonan, penerbitan, pengiklanan, menyokong atau menormalisasikan *Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, Queer* dan *Plus (+) (LGBTQ+)*;
- (c) kepercayaan, ucapan, bacaan, perbuatan berunsur kufur, syirik seperti pemujaan roh dan sebagainya;
- (d) penghinaan, celaan, makian, permusuhan atau pergaduhan yang boleh memecah belah keharmonian dan perpaduan kaum;
- (e) perbuatan, perkataan, aksi, lakonan dan sebagainya yang mengandungi unsur *blasphemy* seperti menghina, merendah-rendahkan dan memperolok-olokan agama;
- (f) perjudian, pertaruhan nasib atau pertaruhan untung rugi;
- (g) pergaulan bebas lelaki dan perempuan tanpa batasan dan kawalan; atau
- (h) perbuatan maksiat, jenayah, dadah, arak dan sebagainya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Cagaran

15. (1) Pegawai Pelesen boleh, sebelum meluluskan sesuatu lesen di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang memberikan cagaran, yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen untuk memastikan bahawa apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya adalah dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pegawai Pelesen boleh, selepas meluluskan pemegang lesen hak untuk didengar, melucuthakan kesemua atau sebahagian daripada cagaran itu jika Pegawai Pelesen itu berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen itu atau peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2) pelucuthakan semua atau sebahagian daripada cagaran tidaklah boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan ke atas mana-mana orang.

(4) Pegawai Pelesen hendaklah memasukkan cagaran yang dilucuthakan di bawah subseksyen (2) ke dalam—

- (a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau
- (b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Lesen hendaklah dipamerkan

16. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di tempat hiburan—

- (a) lesen berkenaan dengan tempat hiburan itu; dan
- (b) lesen berkenaan dengan hiburan yang diadakan di tempat hiburan itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembaharuan lesen bukan suatu hak

17. Sesuatu lesen tidaklah boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikira sebagai permohonan di bawah seksyen 8 untuk mendapatkan lesen.

Pembatalan lesen

18. (1) Pegawai Pelesen boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang disampaikan mengikut subseksyen (2) membatalkan sesuatu lesen jika telah berlaku pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen itu atau peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya.

(2) Tiap-tiap notis pembatalan sesuatu lesen hendaklah disampaikan dengan –

- (a) menampalkan suatu salinan notis itu di tempat hiburan;
- (b) menyampaikan suatu salinan notis itu–
 - (i) di alamat berdaftar pengurus tempat hiburan itu; atau
 - (ii) di alamat berdaftar pemegang lesen jika alamat berdaftar di bawah subperenggan (i) bukan pemegang lesen; atau
- (c) menyampaikan satu salinan notis secara komunikasi elektronik kepada pemegang lesen.

(3) Pembatalan sesuatu lesen tidak boleh ditafsirkan sebagai penghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar apa-apa syarat atau sekatan lesen itu atau peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya.

Rayuan

19. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan–

- (a) keputusan Pegawai Pelesen di bawah seksyen 10 yang enggan meluluskan lesen;
- (b) mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen di bawah subseksyen 13(1);

- (c) pelucuthakan cagaran di bawah subseksyen 15(2); atau
- (d) pembatalan lesennya di bawah subseksyen 18(1),

boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia dimaklumkan secara bertulis tentang keputusan, syarat, sekatan, pelucuthakan atau pembatalan itu, merayu kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh mengesahkan atau mengetepikan keputusan Pegawai Pelesen dan keputusan adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dipersoalkan atau berupaya dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

Larangan terhadap penjualan tiket, dsb. untuk hiburan tanpa lesen

20. (1) Melainkan jika permohonan lesen berkenaan dengan hiburan dan tempat itu diluluskan, tiada seorang pun boleh—

- (a) memberikan, membahagi, menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa tiket, atau mekanisme yang seumpama dengannya sama ada secara fizikal atau elektronik untuk menghadiri, mana-mana hiburan atau menyebabkan apa-apa pemberian, pembahagian, penjualan, penawaran atau undangan sedemikian dibuat; atau
- (b) dengan apa-apa cara mengiklankan, memaklumkan, memberitahu, memasarkan atau menghebahkan atau menyebabkan diiklankan atau dimaklumkan, diberitahu atau dipasarkan apa-apa hiburan yang hendak diadakan di mana-mana tempat.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran

21. (1) Tiada seorang pun boleh menjual, membahagikan, mengedarkan, menawarkan, mempamerkan atau ada dalam miliknya untuk dijual, tiket atau mekanisme yang seumpama dengannya sama ada secara fizikal atau elektronik yang membenarkan atau seolah membenarkan kemasukan ke mana-mana tempat hiburan, kecuali di mana-mana tempat atau melalui mekanisme elektronik yang ditetapkan oleh pemunya atau pengurus tempat itu atau pengelola hiburan yang diadakan di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subsekyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV**KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP, MENYITA,
MELUCUTHAKAN, DSB.****Kuasa untuk masuk dan menyiasat**

22. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa boleh, tanpa waran atau notis, dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan lesen atau peruntukan Enakmen ini atau peraturan dipatuhi—

- (a) memasuki mana-mana tempat hiburan pada bila-bila masa yang munasabah di mana apa-apa hiburan sedang diadakan atau dicadangkan hendak diadakan;
- (b) membuat apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan tempat hiburan itu;
- (c) meminta mana-mana orang mengemukakan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau meminta apa-apa benda lain; dan

(d) meminta mana-mana orang mengemukakan apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu.

(2) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana orang, menunjukkan surat kuasa atau kad kuasa kepada orang itu.

(3) Pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa memasuki mana-mana tempat hiburan menurut kuasa seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan apa-apa kelengkapan sebagaimana yang pada hematnya perlu.

(4) Jika mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang yang diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Enakmen ini di dalam mana-mana tempat atau premis, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan pegawai polis atau orang yang diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(5) Jika tidak dapat masuk ke dalam tempat itu bagi menjalankan kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) dan (4) maka adalah sah di sisi undang-undang bagi mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang yang diberi kuasa, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemunya atau penduduk tempat tersebut mengikut mana yang berkenaan, menggunakan kekerasan yang munasabah dan perlu bagi memasuki ke dalam sesuatu tempat hiburan itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu.

(6) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah Enakmen ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang distorkan atau disimpan dalam suatu komputer, peranti elektronik atau selainnya.

(7) Dalam seksyen ini, “akses” termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer difahami dan diperolehi.

Kuasa menutup tempat hiburan

23. Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah seksyen 22 boleh, tanpa menjejaskan perjalanan selanjutnya kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen itu, dengan serta-merta mengambil langkah-langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana tempat hiburan jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen yang telah diluluskan di bawah Enakmen ini; atau
- (b) hiburan yang diadakan di dalamnya melanggar apa-apa peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya.

Kuasa untuk menghendaki butiran

24. Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya memberikan nama, nombor kad pengenalan dan alamatnya.

Kuasa penangkapan

25. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran—

- (a) mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya;

- (b) mana-mana orang yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta; atau
- (c) mana-mana orang yang memberikan nama dan alamatnya tetapi pegawai polis atau orang diberi kuasa itu ada sebab untuk percaya bahawa nama atau alamat yang diberikan bukanlah nama atau alamatnya yang sebenar.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah dibawa ke balai polis yang paling hampir dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah dalam masa dua puluh empat jam dari penangkapannya, tetapi seseorang yang ditangkap di bawah perenggan (1)(b) atau (c) hendaklah dibebaskan atas jaminan jika nama dan alamatnya dipastikan sebelum itu.

Pengeledahan

26. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkan perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya telah atau sedang dilakukan di mana-mana tempat; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya boleh ditemui di mana-mana tempat,

dia boleh melalui waran di bawah tandatangannya, membenarkan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa, yang dinamakan dalam waran itu, dengan atau tanpa apa-apa bantuan yang diperlukan oleh pegawai polis atau orang diberi kuasa itu, masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa mempunyai alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya telah atau sedang dilakukan di mana-mana tempat; dan
- (b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan pengeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka pegawai polis atau orang diberi kuasa itu boleh, dengan atau tanpa bantuan, memasuki tempat itu dan boleh menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan atau penganjuran apa-apa hiburan itu atau pemunya tempat hiburan itu.

(3) Tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh orang perempuan.

Kuasa menyita

27. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa yang menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 22 dan 26 boleh menyita apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya.

(2) Pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa yang menyita apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan suatu senarai barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penduduk atau pemunya tempat itu, atau pekhidmat atau ejennya yang berada di tempat itu.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa itu hendaklah menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Jika oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita di bawah seksyen ini, pegawai yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara mengunci barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(5) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan kunci yang disebut dalam subseksyen (4) atau memindahkan apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang dikunci atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Benda-benda yang boleh disita boleh dikenakan pelucuthakan

28. Semua barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

29. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita di bawah Enakmen ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana barang, benda, dokumen atau peranti elektronik sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika telah dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa mana-mana barang, benda, dokumen atau peranti elektronik ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, Mahkamah hendaklah melucuthakan barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang dilucuthakan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pelesen atau pegawai polis, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pegawai Pelesen atau pegawai polis.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

30. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang telah disita di bawah Enakmen ini, barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah orang yang berhak kepada milikan atau jagaan dan pengemukaan apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita di bawah Enakmen ini dan bahawa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu tidak boleh dilucuthakan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pegawai Pelesen bahawa dia menuntut barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita itu.

(3) Apabila menerima notis di bawah subseksyen (2), Pegawai Pelesen boleh mengarahkan supaya barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki hadir di hadapannya iaitu—

- (a) orang yang menuntut bahawa dia adalah orang yang berhak kepada milikan atau jagaan dan pengemukaan barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita; dan
- (b) orang yang daripadanya barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu disita.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subseksyen (4) dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subseksyen (4), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subseksyen (5) berkenaan dengan sesuatu barang, benda, dokumen atau peranti elektronik, Majistret berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap apa-apa peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya telah dilakukan; dan
- (b) barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu.

(7) Jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu.

(8) Jika Pegawai Pelesen mengarahkan supaya barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita dilepaskan menurut subseksyen (3), orang yang menuntut itu hendaklah membayar apa-apa bayaran termasuk kos bagi memindah, menyetor atau menyimpan benda itu dalam jagaan sebelum benda yang dituntut itu dilepaskan.

Kos menanggung barang, dsb. yang disita

31. Jika apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita di bawah Enakmen ini dipegang dalam jagaan Pihak Berkuasa Negeri atau pihak berkuasa tempatan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan di bawah Enakmen ini, kos bagi memindah, menyetor atau menyimpan barang, benda, dokumen atau peranti elektronik itu dalam jagaan, hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pihak berkuasa tempatan tersebut oleh orang itu dan hendaklah didapatkan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

32. Tiada seorang pun boleh dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, berhak kepada kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan

33. Mana-mana orang yang—

- (a) menghalang mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- (b) apabila dikehendaki oleh pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa supaya mengemukakan apa-apa barang, buku, akaun, tiket atau dokumen atau benda lain yang dia berkuasa atau sepatutnya berkuasa, dalam perjalanan biasa urusan, mengemukakannya, berlengah-lengah mengemukakannya kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa itu;
- (c) apabila dikehendaki oleh pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau orang diberi kuasa supaya memberikan apa-apa maklumat, memberikan maklumat yang palsu atau yang mengelirukan; atau
- (d) menghalang penyitaan apa-apa barang, benda, dokumen atau peralatan elektronik lain di bawah seksyen 27 atau penutupan mana-mana tempat hiburan di bawah seksyen 23;

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendedahan maklumat sulit

34. (1) Mana-mana orang yang menggunakan atau mendedahkan kepada mana-mana orang lain apa-apa maklumat yang diperolehi menurut kuasa peruntukan Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh berkuat kuasa untuk menghalang pendedahan maklumat jika pendedahan itu dibuat—

- (a) bagi atau berkaitan dengan pentadbiran wajar Enakmen ini;
- (b) bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang;
- (c) bagi maksud apa-apa penyiasatan yang dijalankan di bawah Enakmen ini; atau
- (d) bagi atau berkaitan dengan penyediaan perangkaan oleh kerajaan atau pihak berkuasa tempatan berkenaan dengan perjalanan Enakmen ini.

Kuasa pegawai polis tidak disentuh.

35. (1) Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

BAHAGIAN V

PENDAKWAAN

Pendakwaan

36. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

Anggapan mengenai pesalah

37. Jika dalam sesuatu hal adalah dibuktikan bahawa apa-apa perbuatan atau perkara dilakukan oleh atau ditinggal daripada dilakukan oleh mana-mana orang bersalahan dengan seksyen 7 maka hendaklah dianggap bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penduduk atau pemunya premis atau tanah itu, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Anggapan terhadap pemunya

38. (1) Pemunya tempat hiburan di mana hiburan telah dijalankan tanpa lesen yang sah adalah melakukan satu kesalahan di bawah subseksyen 7(1), melainkan jika pemunya dapat membuktikan kesalahan itu telah dilakukan oleh orang yang lain atau identiti orang yang melakukan kesalahan itu dapat dipastikan.

(2) Pemunya hendaklah memberi apa-apa butiran, maklumat, dokumen atau apa-apa maklumat tambahan yang diminta oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor atau orang yang diberi kuasa supaya diberitahu tentang identiti dan alamat orang yang telah menjalankan aktiviti hiburan tersebut pada atau lebih kurang pada masa kesalahan yang dikatakan itu.

(3) Mana-mana penduduk yang telah atau yang sepatutnya menjaga atau mengawal tempat hiburan tersebut hendaklah, jika dikehendaki seperti tersebut di atas, memberi apa-apa maklumat yang mana adalah dalam kuasanya untuk memberi dan yang boleh menyebabkan orang yang melakukan kesalahan itu dikenali.

(4) Mana-mana orang yang gagal memberi maklumat di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan kesalahan melainkan jika ia membuktikan, dengan memuaskan hati mahkamah, bahawa ia tidak tahu dan tidak boleh dengan usaha yang munasabah mendapatkan maklumat yang dikehendaki itu.

(5) Sesuatu maklumat yang diberikan oleh pemunya atau penduduk menurut subseksyen (1) atau (2) mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah bila mana mungkin, ditukar ke dalam bentuk bertulis dan

ditandatangani oleh orang yang memberikannya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas maklumat itu dibacakan kepadanya dalam bahasa orang yang memberi maklumat itu dan selepas itu diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Anggapan mengenai penduduk

39. Seseorang penduduk yang didapati di dalam atau melarikan diri dari suatu tempat hiburan di mana hiburan telah atau sedang dijalankan tanpa lesen hendaklah dianggap telah mengadakan hiburan di tempat itu tanpa lesen sehingga dibuktikan sebaliknya.

Kesalahan oleh majikan

40. Jika apa-apa perbuatan atau perkara dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh seseorang ejen, penjawat atau pekerja dalam masa menjalankan tugasnya dan perbuatan atau perkara itu menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, maka prinsipal atau majikannya adalah bertanggungjawab atas kesalahan itu seolah-olah perbuatan atau perkara itu telah dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh prinsipal atau majikannya, melainkan jika prinsipal atau majikannya boleh membuktikan bahawa perbuatan atau perkara itu telah dilakukan tanpa persetujuannya, pengetahuan atau tanpa dibiarkan olehnya dan bahawa ia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sepatutnya bagi mengelakkan berlakunya kesalahan itu.

Liabiliti Pengarah

41. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau selainnya bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu

telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa dibiarkan olehnya, dan bahawa dia telah menjalankan usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan semua hal keadaan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah juga disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan atau ketinggalan itu telah dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya dalam perjalanan urusan perkongsian itu atau dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh melepaskan pekongsi, ejen atau pekhidmat daripada dikenakan pendakwaan.

Pengkompaunan kesalahan

42. (1) Pegawai Pelesen atau orang diberi kuasa boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan menyetujui terima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum.

(2) Apabila jumlah wang yang tersebut di bawah subseksyen (1) disetujui terima, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa barang, benda, dokumen atau peranti elektronik yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen yang mengkompaun kesalahan itu.

Penalti am

43. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Kuasa untuk meminda Jadual

44. Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* meminda Jadual.

Pengecualian

45. Pihak Berkuasa Negeri boleh, tertakluk kepada budi bicaranya, mengecualikan mana-mana hiburan atau kelas hiburan atau tempat hiburan atau kelas tempat hiburan daripada mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

46. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau melaksanakan peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan bagi perkara yang berikut:

- (a) melarang atau mengawal selia apa-apa jenis hiburan atau penggunaan apa-apa jenis alat atau kelengkapan atau peranti di mana-mana tempat hiburan;

- (b) menghendaki ada jalan keluar, pengudaraan, pencahayaan, langkah-langkah pencegahan kebakaran, kemudahan-kemudahan awam lain yang munasabah yang mencukupi di tempat-tempat hiburan;
- (c) mengawal selia perilaku pelakon, penyanyi dan penghibur lain, skrip, persembahan, pakaian dan alat-alat yang digunakan dalam mana-mana hiburan;
- (d) memastikan orang-orang yang mengunjungi mana-mana tempat hiburan berkelakuan sopan dan teratur;
- (e) menetapkan langkah-langkah yang mesti diambil oleh pemegang lesen sesuatu tempat hiburan demi keselamatan orang-orang di tempat hiburan itu, termasuk melarang dibawa masuk ke tempat itu apa-apa jua yang boleh membahayakan orang atau harta;
- (f) menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur-prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan-kesalahan itu;
- (g) menetapkan apa-apa fi yang perlu bagi maksud-maksud Enakmen ini; dan
- (h) menetapkan borang-borang bagi permohonan untuk mendapatkan lesen dan bentuk lesen yang akan dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar peruntukan peraturan itu adalah suatu kesalahan dan bahawa mana-mana orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya, tetapi penalti itu tidak boleh melebihi denda lima ribu ringgit dan pemenjaraan tidak melebihi satu tahun.

Pemansuhan

47. Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 [*Enakmen No. 8 Tahun 1998*] adalah dimansuhkan.

Kecualian dan peralihan

48. Walau apa pun pemansuhan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 di bawah seksyen 47–

- (a) apa-apa pelantikan atau pemberikuasaan yang dibuat di bawah Enakmen dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah pelantikan itu telah dibuat di bawah Enakmen ini, sehingga dibatalkan dan digantikan mengikut peruntukan Enakmen ini;
- (b) mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen dimansuhkan hendaklah, setakat yang perundangan subsidiari itu selaras dengan Enakmen ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan dan digantikan oleh mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini, dan hendaklah bagi segala maksud disifatkan telah dibuat di bawah Enakmen ini;
- (c) apa-apa lesen dan perkara yang berhubungan dengannya yang dibuat di bawah Enakmen yang dimansuhkan dan berkuat kuasa sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah lesen itu telah dikeluarkan di bawah Enakmen ini dan boleh dibatalkan mengikut peruntukan Enakmen ini; dan
- (d) apa-apa prosiding yang dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Enakmen yang dimansuhkan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah dan mengikut peruntukan Enakmen yang dimansuhkan.

JADUAL

[Seksyen 1]

1. Lakonan, opera, pentomin, lakonan aneka ragam, persembahan muzik, deklamasi puisi dan sajak, karaoke, nyanyi, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, akrobatik, komedi dan silap mata, pertandingan kecantikan, tablo, demonstrasi, peragaan dan perarakan, yang dalamnya orang-orang hidup mengambil bahagian.
2. Pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupa-makhluk-makhluk benar atau khayalan.
3. Sarkas dan pameran binatang.
4. Pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf, ukiran patung atau rupa lain berbentuk manusia atau binatang.
5. Tayangan filem, pameran filem sinematograf, wayang gambar video dan pertunjukan boneka.
6. Reproduksi atau siaran, dengan apa-apa cara jua pun selain daripada telefoni radio, bagi apa-apa muzik, lagu, ucapan atau sukan. Selain daripada yang berkaitan dengan sesuatu filem sinematograf.
7. Mesin dan peranti yang jika dimanipulasi, memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang.
8. Meja pin dan permainan video.
9. Pertandingan sukan antara apa-apa bilangan orang atau binatang.
10. Pertandingan terancang bagi permainan kemahiran atau nasib.
11. Pesta perdagangan, pertanian atau industri yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil atau bahan-bahan.
12. Permainan-permainan komputer.
